Setengah juta guru, penjawat awam UK sertai 'Walkout Wednesday'

Februari 1, 2023 @ 9:54pm



Guru yang menyertai mogok di dataran Saint Peter's, Manchester di Britain memegang sepanduk menuntut skim gaji lebih baik. - Foto AFP

LONDON: Dianggarkan sehingga setengah juta guru, penjawat awam, pemandu kereta api dan pensyarah universiti Britain bergabung untuk mogok hari ini menuntut gaji dan manfaat lebih tinggi, satu tindakan mogok terbesar era ini yang menyebabkan gangguan meluas.

Tindakan mogok beramai-ramai di seluruh negara mengakibatkan sekolah ditutup, selain menghentikan kebanyakan perkhidmatan kereta api dan tentera bersiap sedia untuk membantu pemeriksaan sempadan.

Kira-kira 300,000 guru menyertai tindakan kumpulan terbesar menyertai mogok, menyertai gerakan lebih besar membabitkan 500,000 orang, jumlah tertinggi menyertai mogok sekurang-kurangnya sejak sedekad lalu.



Setiausaha Agung Kesatuan Pendidikan Kebangsaan, Mary Bousted, memberitahu Reuters, guru dalam kesatuannya merasakan mereka tidak mempunyai pilihan selain mogok, kerana penurunan gaji bermakna ramai akan meninggalkan profesion mereka, membuatkan keadaan pekerja yang kekal semakin sukar.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Menteri UK akan adakan rundingan dengan kesatuan sekerja bagi**

TERKINI PILIHAN PEMBACA

14m Sweden 'jangan harap' sertai NATO jika benarkan perbuatan bakar al-Quran - Erdogan

16m Ada KJ dalam PH pun tak menambah

27m Perhimpunan tanpa permit: 10 individu diambil keterangan

34m Hendak cepat antara alasan tidak pakai topi keledar

34m Korea Selatan, AS aktifkan latihan udara susulan ancaman Korea Utara

59m Parkir tambahan HSI dibuka hari ini - MB Johor

1h Orang Asli bantu JPNP tanam pokok

1h Pasukan EPL terus berbelanja mewah

TRENDING



EROPAH 14 minit yang lepas

Sweden 'jangan harap' sertai NATO jika benarkan perbuatan bakar al-Quran - Erdogan



KES 12 jam yang lepas

Penempatan haram PATI ada kemudahan sekolah diserbu



SELEBRITI Feb 1, 2023 @ 6:50pm

Sophia, kenapa lari? - Bella



SELEBRITI Feb 1, 2023 @ 5:13pm

Sophia Albarakbah tak muncul, alasan 'shooting'

DISYORKAN



KES 11 jam yang lepas

Penganggur dipenjara 13 tahun dan satu



NASI

Tiad dalau Polis



LAIN

Siti S Kuwa

(https://vodus.my/)

Dapatkan Baucar Tunai dengan menjawab satu soalan kajian selidik

Apakah bangsa anda?

Melayu Cina

India Etnik Sabah & Sarawak

Lain lain

Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login) VPoints: 0(https://vodus.my/) VODUS (https://vodus.my)

menamatkan mogok

- **Mogok di Britain bertambah teruk**
- **Jururawat di Britain dijangka lancar mogok minggu ini**
- **Kemelut mogok di Britain dijangka semakin buruk**

"Dalam tempoh 12 tahun yang lalu terdapat penurunan jangka panjang yang sangat besar dalam gaji mereka," katanya di luar sebuah sekolah di selatan London.

Dengan inflasi mencapai lebih daripada 10 peratus, iaitu paras tertinggi dalam empat dekad, golongan pekerja di Britain kini rasa lebih tertekan.

Britain sebelum ini pernah menyaksikan gelombang mogok dalam beberapa bulan kebelakangan ini merentasi pelbagai sektor, termasuk pekerja kesihatan dan pengangkutan, pekerja gudang Amazon dan kakitangan pos Royal Mail.

Hari ini, Menteri Pendidikan, Gillian Keegan, mengatakan tuntutan untuk kenaikan gaji yang besar hanya akan meningkatkan inflasi.

"Apa yang tidak boleh kita lakukan ialah memberi kenaikan gaji yang mengurangkan inflasi kepada satu bahagian tenaga kerja dan memburukkan inflasi bagi semua orang. Itu bukan perkara yang wajar dari segi ekonomi untuk dilakukan," katanya kepada BBC.

Setakat ini, ekonomi tidak menerima kesan besar daripada tindakan perindustrian dengan kos mogok dalam tempoh lapan bulan hingga Januari, dianggarkan oleh firma perunding Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Perniagaan (CEBR) pada kira-kira 1.7 bilion pound (RM 8.92 bilion) atau kira-kira 0.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Ia meletakkan anggaran kesan mogok guru pada kira-kira 20 juta paun sehari. Bagaimanapun, mogok itu mungkin memberi kesan politik kepada kerajaan Perdana Menteri, Rishi Sunak.

Parti Konservatifnya tertinggal di belakang parti pembangkang, Parti Buruh dengan kira-kira 25 mata peratusan dalam tinjauan pendapat dan tinjauan menunjukkan orang ramai berpendapat kerajaan mengendalikan mogok dengan teruk.







NASIONAL 12 jam yang lepas

74 Ahli Parlimen PN adakan permukiman dua hari



LAIN-LAIN (BISNES) 11 jam yang lepas

Jokowi yakin Tesla akan muktamad pelaburan di Indonesia

OHBULAN



WAKAF MESIN DIALISIS 40 minit yang lepas

'Cleaner' Guna Duit Jual Tanah Wakaf Dua Mesin Dialisis Di Tempat Kerja...



KINI TRENDING 42 minit yang lepas

'Dulu Post Ramai Mengadu Kata Meluat, Bila Tak Post Tanya Pula' – Zarina...



YAZMIN NAMPAK MATANG sejam yang lepas

[VIDEO] Yazmin Aziz Kongsi Wajah Ahli Keluarga, Netizen Puji Semua Awet Muda –...



SETERIKA PANAS sejam yang lepas

Isteri Berang Suami Ketagih Berjudi, Ugut Nak Bakar Zakar



WHATSAPP sejam yang lepas

'Saya Menghormati & Akur Jika ..' – Aliff Aziz Ikut Cakap Bella Astillah,...

SIRAPLIMAU



DAPUR 40 minit yang lepas

Kalau Masak Nasi Lemak Guna Rice Cooker, Kena Ikut 4 Tips Power Ni



DAPUR Feb 1, 2023 @ 4:36pm

Resepi Ayam Goreng Vietnam Manis Pedas, Sekali Makan Nak Lagi!



KINI TRENDING Feb 1, 2023 @ 2:37pm

"Bau Hancing Ingatkan Air Kencing Kucing Atau Ada Jin Dekat Tingkap.."- Rupanya...



DAPUR Feb 1, 2023 @ 2:26pm

Resepi Mi Goreng Basah Bungkus Surat Khabar Macam Nenek Buat, Gamit Nostalgia!



SIHAT Feb 1, 2023 @ 12:44pm

9 Cara Turunkan Darah Tinggi Secara Semulajadi, Boleh Cuba!

(https://vodus.my) Dapatkan Baucar Tunai dengan menjawab satu soalan kajian selidik ×

Apakah bangsa anda?

Melayu Cina

India Etnik Sabah & Sarawak

Lain lain

Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login) VPoints: 0(https://vodus.my) VODUS (https://vodus.my)





Guru yang menyertai mogok di dataran Saint Peter's, Manchester di Britain memegang sepanduk menuntut skim gaji lebih baik. - Foto AFP

Turut serta mogok hari ini ialah 100,000 penjawat awam daripada lebih 120 jabatan kerajaan dan puluhan ribu pensyarah universiti serta pekerja kereta api.

Terdapat juga perhimpunan yang dirancang untuk membantah undang-undang baru bagi membendung mogok di beberapa sektor.

Minggu depan, jururawat, kakitangan ambulans, paramedik, pengendali panggilan kecemasan dan pekerja penjagaan kesihatan lain bersedia untuk melakukan lebih banyak pemberhentian kerja manakala anggota bomba pada minggu ini turut menyokong mogok di seluruh negara.

Mereka yang mogok menuntut kenaikan gaji melebihi inflasi untuk menampung bil makanan dan tenaga yang melonjak, menyebabkan mereka tertekan, berada di bawah penilaian kredit yang rendah dan bergelut untuk memenuhi keperluan hidup. - REUTERS

BERITA BERKAITAN




EROPAH Nov 26, 2022 @ 8:10pm

Sebahagian besar Eropah hadapi mogok, tunjuk perasaan, protes



EROPAH Dis 13, 2022 @ 6:18pm

Britain tingkat pelan luar jangka sedia hadapi mogok pekerja



EROPAH Jan 3, 2023 @ 7:10pm

Kakitangan rel mogok, jejas kelancaran perkhidmatan



EROPAH Nov 24, 2022 @ 8:34pm

Kakitangan universiti UK, guru Scotland, pekerja pos mula

(https://vodus.my)
Dapatkan Baucar Tunai dengan menjawab satu soalan kajian selidik
×
Apakah bangsa anda?
Melayu
Cina
India
Etnik Sabah & Sarawak
Lain lain
Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login)
VPoints: 0(https://vodus.my)
VODUS (https://vodus.my)